

01/05/1999

Api reformasi semakin malap

SELEPAS menggunakan Indonesia sebagai model bagi gerakan reformasi, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kini menjadikan Filipina pula `kiblatnya'. Nampaknya Presiden Parti Keadilan Nasional (KeADILan) itu terpaksa berbuat demikian - iaitu menggabungkan `kaedah' di dua negara itu bagi mendapatkan sokongan rakyat yang nampaknya tidak memberi tindak balas positif terhadap penubuhan parti itu. Suharto terpaksa melepaskan kerusi Presiden selepas rakyat turun ke jalan raya dan berlaku huru-hara. Disebabkan desakan dan tidak mahu banyak nyawa rakyat terkorban, Suharto akur meletakkan jawatan. Begitu juga Ferdinand Marcos. Kemarahan rakyat terhadap pemerintahannya selama 20 tahun yang mereka dakwa seperti diktator, menjatuhkan juga presiden Filipina itu. Dua peristiwa di negara Asean itu menyaksikan banyak nyawa rakyat terkorban dan harta benda musnah. Malah, istana Presiden di Malacanang dicerobohi oleh rakyat yang begitu marah terhadap Marcos. Nyawa beliau terancam hingga terpaksa meninggalkan negaranya dan hidup bertahun-tahun dalam buangan sehingga ke akhir hayatnya.

Peringkat awal pergerakan reformasi menampakkan banyak sokongan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim di ibu kota. Ramai terpengaruh bahawa Anwar dijatuhkan kerana ada konspirasi politik. Menerusi dua tiga orang penyokong kuatnya, mereka bergerak di beberapa negara Asean menaburkan pelbagai fitnah dan tohmahan terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi media asing dan Internet. Namun jelas usaha mereka itu tidak mendapat sokongan padu dan menyeluruh dari negara-negara di mana mereka bergerak.

Di dalam negara, penyokong kuat reformasi diketuai oleh Wan Azizah dan parti pembangkang lain cuba mempengaruhi rakyat untuk menimbulkan ketegangan agar mereka bangkit menentang kerajaan. Hampir setiap minggu Kuala Lumpur menjadi gelanggang utama penyokong mereka berkumpul membuat onar. Beberapa perhimpunan juga cuba digerakkan di bandar-bandar utama tetapi tidak mendapat sokongan.

Bagaimanapun selepas Mahkamah Tinggi mendapati Anwar bersalah terhadap semua tuduhan rasuahnya, api reformasi ternyata mula pudar. Di kalangan penyokong reformasi sendiri, mereka sedar apa yang dilakukan sebelum ini adalah sia-sia. Demikian pula majoriti rakyat sedar perbuatan golongan reformasi itu hanya akan mencetus ketegangan dalam negara dan tidak menguntungkan sesiapa. Sebaliknya, jelas apa yang dilakukan selama ini adalah untuk kepentingan politik individu tertentu yang semakin terpinggir. Dengan ekonomi Malaysia yang menunjukkan tanda-tanda pemulihan, rakyat yang waras dan sayangkan negara lebih merasakan penggemblengan tenaga ke arah itu adalah lebih wajar daripada menimbulkan huru-hara dan suasana tidak stabil dalam negara.

Jelasnya, semangat reformasi di Indonesia yang cuba digerakkan di Malaysia sudah lesu. Model di Jakarta menggunakan `kuasa pelajar' terutama dari institusi pengajian tinggi itu tidak diterima warga kota Kuala Lumpur. Golongan ini sedar mereka dipergunakan malah ramai antaranya mengaku diupah melakukannya.

Kini Wan Azizah sudah tidak ada pilihan lain. Beliau sedar laungan reformasinya, Anwar dan pembangkang yang semakin berkubur, akan terus lenyap jika sesuatu yang baru tidak dilakukan bagi menarik semula perhatian penyokongnya. Beliau akur ramai penyokong terutama remaja dan pelajar sudah berfikir dua kali. Justeru, bagi memastikan perjuangan reformasi terus subur, Wan Azizah terpaksa mengambil model di Filipina

pula iaitu menggunakan `kuasa rakyat' menumbangkan kerajaan. Menyamakan situasi yang pernah dihadapi oleh Corazon Aquino, Wan Azizah cuba memenangi hati rakyat bahawa cara itu terbukti berjaya di Filipina dan boleh dilakukan di Malaysia.

Wan Azizah berhak mencontohi apa jua model perjuangan demi mengembalikan kuasa kepada suaminya. Namun, beliau tidak wajar mengheret dan mempergunakan `orang luar' untuk menyokong perjuangannya di dalam negara. Aquino yang berjaya mendapat sokongan rakyat untuk menjatuhkan Marcos, tidak sekalipun menagih simpati dan sokongan orang luar untuk berkuasa. Pendukung reformasi di Indonesia tidak pula pernah berkempen untuk mendapatkan bantuan pihak luar sehingga Suharto dapat dijatuhkan. Walaupun diakui `kuasa rakyat' mampu menjatuhkan pemimpin, ia timbul daripada kesedaran rakyat sendiri apabila merasakan hidup mereka tidak langsung dibela dan selamanya terbelenggu dengan pelbagai kepayahan dan tertekan dengan kemiskinan. Keadaan di Malaysia jauh berbeza daripada Filipina dan rakyat tidak semudah itu dapat diabui.

(END)